

30/10/2001

PM tegur pencinta alam sekitar fanatik

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur sesetengah pencinta alam sekitar yang terlalu fanatik memperjuangkan isu alam sekitar sehingga mengetepikan pembangunan berasaskan sumber air.

Perdana Menteri berkata, apabila kerajaan mahu mendapatkan sumber bekalan air dari kawasan tertentu, pencinta alam sekitar cuba melarang tindakan itu kerana khuatir berlaku pencemaran.

"Contohnya, kawasan Pantai Barat (Semenanjung) pesat membangun, Pantai Timur pula mempunyai banyak air tetapi tidak membangun. Apabila kita mahu mendapatkan sumber bekalan air, maka pencinta alam datang dan menyatakan air tidak harus digunakan.

"Mereka ini lebih suka memilih mati kehausan daripada penggunaan air kerana alam sekitar. Saya menyokong usaha memelihara alam sekitar tetapi kita tidak harus menjadi fanatik," katanya selepas merasmikan Persidangan Persatuan Bekalan Air Antarabangsa (IWA) mengenai Pengurusan Air dan Air Buangan untuk Negara-Negara Membangun di sini.

Persidangan tiga hari itu antara lain membincangkan mengenai pengurusan kumbahan serta pembangunan sumber manusia dalam sektor air dan air buangan.

Selain IWA, turut menganjurkan sidang itu ialah Persatuan Pengurusan Dan Penyelidikan Alam Sekitar Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Pusat Teknologi Alam Sekitar Universiti Murdoch, Australia.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata walaupun kehendak pencinta alam sekitar yang mahukan sungai dikekalkan dalam keadaan asal dihargai, ia tidak selalunya dapat dilakukan di negara pesat membangun seperti Malaysia.

"Kita perlukan kawasan kediaman bagi perkembangan penduduk. Pendekatan yang patut diambil bukannya menghentikan pembangunan tetapi menerusi perancangan rapi serta pengekalan bekalan dan kualiti air," katanya.

Beliau berkata usaha sedemikian boleh dilakukan dan rakyat serta kerajaan perlu menanggung kosnya jika mahukan kualiti kehidupan dikekalkan.

Perdana Menteri berkata, masalah kemiskinan adalah punca utama pencemaran air dengan sungai secara tradisinya dianggap sebagai sistem pembuangan semula jadi. Oleh itu, kaedah pembuangan sisa lebih baik perlu dipelajari walaupun oleh mereka yang dibelenggu kemiskinan.

"Ia satu masalah budaya. Jika kebersihan menjadi sebahagian budaya masyarakat maka masalah pencemaran sungai akan dapat dicegah," katanya.

Dr Mahathir turut mencadangkan penubuhan sebuah badan yang mewakili negara membangun bagi menjalankan kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D) pengurusan air dan air buangan.

Badan seperti itu akan dapat membantu negara membangun yang memerlukan khidmat nasihat dalam pengurusan air dan alam sekitar. Satu dasar yang mengawal selia peraturan dan pengurusan sumber air di negara membangun juga mungkin diperlukan.

"Kita tidak mahu menghalang pembangunan tetapi kita mesti berhati-hati dan cekap dalam menguruskan sumber air," katanya.

Dr Mahathir berkata negara membangun boleh bekerjasama dan belajar daripada pengalaman dan kesilapan masing-masing atau di negara maju bagi mengelak daripada mengulangi kesilapan.

Di negara ini, katanya, komitmen kerajaan terhadap pengurusan air dan air buangan dilakukan melalui pembentukan Majlis Sumber Air Kebangsaan

pada 1998 bagi memastikan sumber air diuruskan dengan lebih berkesan.

Malaysia juga menggunakan pendekatan pengurusan lembangan sungai dan tidak lagi menguruskan sesebuah sungai itu secara sendiri.

"Matlamat utama kita ialah untuk meningkatkan kualiti air sungai sementara mengekalkan aliran pada kadar yang diperlukan menerusi kawalan empangan dan sebagainya," katanya.

(END)